# PERISYTIHARAN JUALAN

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
## PTT. 369/05/2020/03
## DALAM PERKARA SEKSYEN 265(1)(a), KANUN TANAH NEGARA, 1965

| | | |
|---|---|---|
| | ANTARA | |
| MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K) | | PEMEGANG GADAIAN |
| | DAN | |
| ASIA MORTAR SDN BHD (NO SYARIKAT : 861998-P) | | PENGGADAI |

**Menurut perintah Pentadbir Daerah & Tanah Tampin yang diperbuat bagi perkara ini pada 18-3-2021 adalah diisytiharkan bahawa Pentadbir Daerah & Tanah Tampin atau wakilnya yang diberi kuasa dengan dibantu oleh Pelelong yang tersebut di bawah**

## AKAN MENJUAL SECARA
## LELONGAN AWAM
## PADA HARI RABU, 28-4-2021, JAM 10.00 PAGI
## DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH & TANAH TAMPIN
## JALAN PADANG, 73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

**NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian hakmilik secara resmi di Pejabat Daerah dan Tanah Tampin dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan serta mendapatkan nasihat daripada peguamcara mengenai pemilik sah, bebanan dan tanggungan.**

**Butir-butir Hakmilik :**

**Butir-butir yang tersebut dibawah didapati daripada Laporan Penilaian bertarikh 10-3-2020**

| | | |
|---|---|---|
| No. Hakmilik | : | GM 172 |
| No. Lot | : | 1005 |
| Mukim/Daerah/Negeri | : | Repah / Tampin / Negeri Sembilan |
| Tempat | : | Kg Orik |
| Tempoh Pegangan Milik | : | Selama-lamanya |
| Keluasan Tanah | : | 1.795 hektar |
| Cukai Tanah | : | RM 8,616.00 |
| Pemilik Berdaftar | : | ASIA MORTAR SDN BHD (NO SYARIKAT : 861998-P) - 1/1 bahagian |
| Syarat Nyata | : | Tanah ini hendaklah digunakan untuk perusahaan sahaja. |
| Sekatan Kepentingan | : | Tiada |
| Kategori Kegunaan Tanah | : | Perusahaan / Perindustrian |
| Bebanan | : | Dicagarkan kepada Malayan Banking Berhad melalui No. Perserahan 638/2011 bertarikh 9-9-2011 |

**LOKASI HARTANAH:**

**Hartanah tersebut adalah merupakan 2 bangunan kilang 1 tingkat, 1 bangunan pejabat 3 tingkat dan bangunan tambahan yang beralamat di Lot 1005, Jalan Gemas, Kampong Cenaga,73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kampong Cenaga terletak kira-kira 6 kilometer timurlaut bandar Tampin.**

**HARGA RIZAB:**

**Hartanah tersebut akan dijual dalam keadaan sepertimana sedia ada tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM 10,470,000.00 (RINGGIT MALAYSIA : SEPULUH JUTA EMPAT RATUS TUJUH PULUH RIBU SAHAJA) dan tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dicetakkan di Perisytiharan Jualan. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab (RM 1,047,000.00 ) dalam bentuk bank deraf di atas nama MALAYAN BANKING BERHAD sebelum jam 9.30 pagi pada hari lelongan awam dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh Satu Ratus Dua Puluh (120) Hari dari tarikh jualan juga kepada MALAYAN BANKING BERHAD. Sekiranya harga belian tidak dibayar sepenuhnya dalam masa ditetapkan, deposit akan dilucuthak dan dilupuskan mengikut Seksyen 267A Kanun Tanah Negara 1965. Tiada lanjutan masa dibenarkan. Harta ini akan dijual tertakluk kepada syarat-syarat jualan yang dicetak dalam Perisytiharan Jualan serta dipamerkan di papan kenyataan Pejabat Daerah dan Tanah Tampin dan di tempat lain.**

**Untuk butir-butir lanjut,sila berhubung dengan Peguamcara bagi pihak Pemegang Gadaian atau PELELONG BERLESEN yang berikut:-**

| | |
|---|---|
| Tetuan YONG & RAKAN-RAKAN<br>Peguambela & Peguamcara,<br>No 12-1, Tingkat 1, Jalan Tiara 2D/KU1,<br>Bandar Baru Klang,<br>41150 Klang, Selangor.<br>Tel: 03-33427207 Fax:03-33414202<br>Ruj: MBB(LMC)/AMSB/31659/2019/G(2) | Muhammad Diah Janun<br>Pelelong Berlesen<br>Jrai Management & Consultancy<br>T69, Jalan Kenanga,Juasseh Hilir,<br>72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.<br>H/P: 016-222 6021/330 1984<br>Email:jraigroup00@gmail.com<br>Ruj: JRAI/AUC/NS/PTT-28-4-2021-Asia |

# PROCLAMATION OF SALE

## ORDER OF SALE IN INSTANCE OF CHARGEE

## PTT. 369/05/2020/03

## IN THE MATTER OF SECTION 265(1)(a), OF THE NATIONAL LAND CODE, 1965

| | | |
|---|---|---|
| | **BETWEEN** | |
| **MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K)** | | **CHARGEE** |
| | **AND** | |
| **ASIA MORTAR SDN BHD (NO SYARIKAT : 861998-P)** | | **CHARGOR** |

**In pursuance of the Order of the Pentadbir Daerah & Tanah Tampin made on 18-3-2021 it is hereby proclaimed that the Pentadbir Daerah & Tanah Tampin or his authorise representative with the assistance of the undermentioned Auctioneer**

## WILL SELL BY
## PUBLIC AUCTION

## ON WEDNESDAY, 28-4-2021 AT 10.00 A.M.
## AT THE PEJABAT DAERAH & TANAH TAMPIN,
## JALAN PADANG, 73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

**Note: Prospective bidders are advised to conduct an official title search at the relevant Land Office and to inspect the subject property prior to the auction sale. The property is sold base on an "as is where is basis". The Chargee will not be responsible nor make any representation in respect of any restriction in the interest and other encumbrances of the property stated herein.**

**PARTICULARS OF TITLE WHEREAS IN THE VALUATION REPORT DATED 10-3-2020**

| | | |
|---|---|---|
| Title No | : | GM 172 |
| Lot No | : | 1005 |
| Mukim/District/State | : | Repah / Tampin / Negeri Sembilan |
| Locality | : | Kg Orik |
| Tenure | : | Interest In Perpetuity |
| Land Area | : | 1.795 hectare |
| Annual Rent | : | RM 8,616.00 |
| Registered Owner | : | ASIA MORTAR SDN BHD (NO SYARIKAT : 861998-P) – 1/1 share |
| Express Condition | ; | Tanah ini hendaklah digunakan untuk perusahaan sahaja. |
| Restriction in Interest | : | Nil |
| Category of Land Use | : | Perusahaan / Perindustrian |
| Encumbrances | : | Charged to Malayan Banking Berhad vide Presentation No 638/2011 dated 9-9-20011 |

**LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY:**

**The subject property is a freehold 17,950 square metres industrial plot erected upon with 2 single storey detached building, a 3- storey office building and other ancillary building bearing postal address Lot 1005, Jalan Gemas, Kampong Cenaga,73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kampong Cenaga is situated about 6 kilometres north-east of Tampin town.**

**RESERVE PRICE:**

**The property will be sold on an 'as is where is basis' subject to the conditions of sale and a reserve price of RM 10,470,000.00 ( RM : TEN MILLION AND FOUR HUNDRED SEVENTY THOUSAND ONLY). All intending bidders are required to deposit a sum equivalent to 10% of the reserve price (RM 1,047,000.00) by bank draft in favour of MALAYAN BANKING BERHAD before 9.30 am on the auction date and the balance of the purchase money to be settled within One Hundred and Twenty (120) days. If the purchase price is not fully paid within the time stipulated, the deposit will be forfeited and disposed off accordingly under Section 267A of the National Land Code, 1965. No further extension of time is allowed. The property is sold base on the approved printed Proclamation of Sales by the 'Pentadbir Tanah dan Daerah Tampin'.**

**For further particulars please apply to the Solicitors for the CHARGEE herein or the under-mentioned Auctioneer.**


| | |
|---|---|
| Tetuan YONG & RAKAN-RAKAN<br>Advocates & Solicitors<br>No 12-1, Tingkat 1, Jalan Tiara 2D/KU1,<br>Bandar Baru Klang,<br>41150 Klang, Selangor.<br>Tel: 03-33427207 Fax:03-33414202<br>Ref: MBB(LMC)/AMSB/31659/2019/G(2) | Muhammad Diah Janun<br>Licensed Auctioneer<br>Jrai Management & Consultancy<br>T69, Jalan Kenanga,Juasseh Hilir,<br>72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.<br>H/P: 016-222 6021/330 1984<br>Email:jraigroup00@gmail.com<br>Ref : JRAI/AUC/NS/PTT-28-4-2021-Asia |

# SYARAT-SYARAT JUALAN

1. i) Lelongan Awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Penggadai. Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253 (3) KTN.

   ii) Seseorang yang Bukan Warganegara atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada jualan ke atas tanah yang tertakluk kepada kategori "Pertanian" atau "Bangunan" tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri - (Seksyen 433B(4)KTN).

   iii) Seseorang yang telah diisytiharkan muflis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen atau wakil. Jika didapati ejen atau wakil yang dilantik adalah seorang muflis, deposit 10% akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula.

2. Semua penawar adalah dikehendaki mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk **Bank Deraf** atas nama **Malayan Banking Berhad** pada hari lelongan kepada **Pentadbir Tanah Tampin.** (Seksyen 263(2)(e)KTN). **Pendaftaran penawar / pembida akan ditutup tiga puluh (30) minit sebelum lelongan.**

3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, Badan Berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat perlantikan kepada **Pentadbir Tanah Tampin** semasa mendaftar.

4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seorang pembeli lain, beliau hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri dengan syarat bagi Tanah Simpanan Melayu hanya orang Melayu sahaja dibenarkan untuk bertindak sebagai ejen/wakil. Surat wakil hendaklah ditandatangani dihadapan Pesuruhjaya Sumpah.

5. Bagi lelongan hakmilik Rizab Melayu atau pemilikan bumiputra, syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49 Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11 serta sijil kelahiran asal hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran.

6. Orang perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan "My Kad" asal dan salinan.

7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Tanah Tampin** seperti dalam Perintah Jualan Lelongan Awam Borang 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik - (Seksyen 263(2)(d)KTN).

8. Tertakluk kepada Para 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.

9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat jualan ini maka **Pentadbir Tanah Tampin** pada bila-bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka **Pentadbir Tanah Tampin** akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah ini dilelong semula. (Seksyen 265(4)KTN).

10. **Pentadbir Tanah Tampin** berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3)KTN)

11. Sebaik sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan itu dengan suara yang dapat didengari. (Seksyen 265(1 )(a)KTN).

12. Selepas penukul dijatuhkan, tambahan deposit hendaklah dibuat pembayarannya mencukupi 10% dari nilai jualan (N.S.P.U 25)(42).

13. Wang deposit akan dimasukkan ke dalam akaun penggadai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam di bawah syarat-syarat jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucut hak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran daripada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.

14. Baki harga belian hendaklah diselesaikan oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada **"SATU RATUS DUA PULUH (120) hari"** daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan (Seksyen 263(g) KTN).

15. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan di bawah Perintah Untuk Jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucut hak dan hendaklah terpakai mengikut seksyen 267A KTN oleh pemegang gadaian seperti berikut:

i) Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 (1)(a)&(b) dan;

ii) Keduanya bagi pembayaran baki, jika ada yang dipegang milik di bawah akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadaian mengikut susunan keutamaannya. Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 subseksyen (1) perenggan (c) (d) (e).

16. Pemegang gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Tanah Tampin** dan Penggadai bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q (Seksyen 266A KTN).

17. Pemegang Gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian daripada jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada **Pentadbir Tanah Tampin** bahawa jumlah keseluruhan telah pun diterima - (Seksyen 268A (1) KTN).

18. Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan suatu pernyataan akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada **Pentadbir Tanah Tampin** tidak lewat daripada Tiga Puluh (30) hari setelah penerimaan keseluruhan wang belian. (Seksyen 268A(3)KTN).

19. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mentakrifkannya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.

20. Wang belian yang diperolehi dalam apa-apa jualan hendaklah digunakan seperti berikut: (Seksyen 268 KTN):

i) Untuk membayar cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri atau pemberi pajakan dan setakat mana, tiada orang lain selain dari penggadai adalah bertanggungjawab terhadapnya, apa-apa perbelanjaan lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan, segala perbelanjaan seperti yang disahkan oleh Pentadbir Tanah yang dibuat berhubung dengan pembuatan dan pelaksanaan perintah jualan; iaitu segala tunggakan bayaran Cukai Tanah, Cukai Taksiran dan semua bil-bil tuntutan Perkhidmatan Pelelong sehingga tarikh lelongan.

ii) Untuk membayar, kepada pemegang gadaian jumlah penuh yang terhutang dibawah gadaian pada masa jualan itu dijalankan, untuk menjamin pembayaran satu anuiti atau jumlah berkala yang lain dan membayar gadaian-gadaian yang lain, jika ada.

iii)Baki, jika ada, dari wang belian hendaklah dibayar kepada penggadai.

21. **Pentadbir Tanah Tampin** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana.

22. **Pentadbir Tanah Tampin** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kerugian yang ditanggung oleh penawar sekiranya lelongan ditangguh atau dibatalkan.

23. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai suratan Hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butirdan dokumen munimen masing-masing.

24. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab atau menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.

25. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H) melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 160 KTN hendaklah dikemukakan kepada **Pentadbir Tanah Tampin** selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam berserta dengan bayaran sebanyak **RM 1000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Sahaja).** Borang 160 KTN yang diserahkan **kurang dari tujuh (7) hari** sebelum tarikh lelongan hendaklah **DITOLAK**. (Seksyen 264A KTN).

26. Di mana satu perakuan jumlah (Sijil Jualan Borang 161) telah diberi kepada seorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadai atau dipajak, mana-mana kehendak untuk memperoleh kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak diguna pakai (Seksyen 301 KTN).

27. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas Bab 3-Remedi Pemegang Gadaian : Jualan . Peruntukan - peruntukan dalam Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mengatasi syarat-syarat ini. Keputusan **Pentadbir Tanah**

# KONTRAK

**MEMORANDUM :** - Dalam jualan secara Lelongan Awam pada **28 hb April 2021** mengenai harta tanah yang terkandung di dalam Perisytiharan Jualan butiran-butiran yang tersebut iaitu:-

| | | |
|---|---|---|
| **No. Hakmilik** | **:** | **GM 172** |
| **No. Lot** | **:** | **1005** |
| **Mukim/Daerah/Negeri** | **:** | **Repah / Tampin / Negeri Sembilan** |

Maka dengan ini diisytiharkan bahawa :

Nama : ______________________________

No.k/p : ______________________________

No tel : ______________________________

Alamat : ______________________________

______________________________

______________________________

adalah penawar tertinggi dan diisytiharkan sebagai pembeli hartanah tersebut dengan sejumlah **RM**____________________ dan telah membayar kepada **Malayan Banking Berhad** sebanyak **RM** ____________________ sebagai deposit dan bersetuju membayar baki harga pembelian dalam tempoh **satu ratus dua puluh (120) hari** iaitu sebelum atau pada **26-8-2021** dan menyempurnakan pembelian tersebut mengikut syarat-syarat jualan dan peguamcara bagi pihak **Malayan Banking Berhad** mengaku menerima wang deposit tersebut.

**HARGA BELIAN : RM**____________________

**DEPOSIT DIBAYAR : RM**____________________

**BAKI : RM**____________________

______________________________

PEMBELI/EJEN BERKUASA
NAMA :
NO.K/P :
NO.TEL:

______________________________

PEGUAM/
PEMEGANG GADAIAN
Tetuan YONG & RAKAN-RAKAN

______________________________

PENTADBIR TANAH
DAERAH TAMPIN

______________________________

PELELONG BERLESEN
MUHAMMAD DIAH JANUN
JRAI MGMT & CONSULTANCY

# ஏல விற்பனை பிரகடனம்

PTT. 369/05/2020/03

| | |
|---|---|
| MALAYAN BANKING BERHAD | சாட்டுபவர் |
| ASIA MORTAR SDN BHD<br>(NO SYARIKAT : 861998-P) | சாட்டப்பறுவர் |

இந்த பிரகடனத்தின் மூலம் தெரிவித்துக் கொள்வது என்னவெனில் PEJABAT TANAH TAMPIN கோலாலம்பூர் மேற்சொன்ன விஷயமாக பிறப்பித்த உத்தரவை நிறைவேற்றுவதற்காக துணை பதிவதிகாரி மன்றம் PEJABAT TANAH TAMPIN அவர்கள் கீழே கையொப்பமிட்டுள்ள ஏலதாரரின் உதவியோடு

எதிர்வரும்

**WEDNESDAY, 28-4-2021 AT 10.00 A.M.**
**AT THE VICINITY OF**
**KOMPLEKS PEJABAT TANAH TAMPIN**
**JALAN PADANG, 73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN**

சொத்தின் விபரங்கள் வருமாறு பட்டா எண்

| | | | |
|---|---|---|---|
| GM 172 | NO LOT: 1005 | | |
| Repah / Tampin / N. Sembilan | | LOCALITY: | Kg Orik |
| Interest In Perpetuity | | LAND AREA: | 1.795 hectare |

இச் சொத்தின் முகவரி: Lot 1005, Jalan Gemas, Kampong Cenaga, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus

ஒதுக்குரிமை விலை: RM 10,470,000.00

மேல் விபரங்களுக்கு தயவு செய்து அல்லது தே. ராம் லோறஞ்மான் & கான்சால்டான்,

| | |
|---|---|
| Tetuan YONG & RAKAN-RAKAN<br>Advocates & Solicitors<br>No 12-1, Tingkat 1, Jalan Tiara 2D/KU1,<br>Bandar Baru Klang,<br>41150 Klang, Selangor.<br>U/p: Pn Ana<br>MBB(LMC)/AMSB/31659/2019/G(2)<br>Ruj: MBB(LMC)/AMSB/31659/2019/G(2) | MUHAMMAD DIAH HAJI JANUN<br>( Licensed Auctioneer )<br>Jrai Management & Consultancy<br>T69, Jalan Kenanga, Juasseh Hilir,<br>72500 Kuala Pilah<br>Negeri Sembilan<br>T/t : 03-6157 6930 / 7483 h/p: 016-222 6021/016-3301984<br>Email: jraigroup00@gmail.com |

---

# 拍 賣 通 告

PTT. 369/05/2020/03

| | |
|---|---|
| 原告: | MALAYAN BANKING BERHAD |
| 被告: | ASIA MORTAR SDN BHD<br>(NO SYARIKAT : 861998-P) |

下列產業將于

**WEDNESDAY, 28-4-2021 AT 10.00 A.M.**
**AT THE VICINITY OF**
**KOMPLEKS PEJABAT TANAH TAMPIN**
**JALAN PADANG, 73000 TAMPIN, NEGERI SEMBILAN**

地契:
面積:

| | | | |
|---|---|---|---|
| GM 172 | NO LOT: 1005 | | |
| Repah / Tampin / N. Sembilan | | LOCALITY: | Kg Orik |
| Interest In Perpetuity | | LAND AREA: | 1.795 hectare |

產業地址 Lot 1005, Jalan Gemas, Kampong Cenaga, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus

該產業將按照保留價 RM 10,470,000.00

欲知詳情,請聯絡以下拍賣師詢問

| | |
|---|---|
| Tetuan YONG & RAKAN-RAKAN<br>Advocates & Solicitors<br>No 12-1, Tingkat 1, Jalan Tiara 2D/KU1,<br>Bandar Baru Klang,<br>41150 Klang, Selangor.<br><br>MBB(LMC)/AMSB/31659/2019/G(2)<br>Ruj: MBB(LMC)/AMSB/31659/2019/G(2) | MUHAMMAD DIAH HAJI JANUN<br>( Licensed Auctioneer )<br>Jrai Management & Consultancy<br>T69, Jalan Kenanga, Juasseh Hilir,<br>72500 Kuala Pilah<br>Negeri Sembilan<br>T/t : 03-6157 6930 / 7483 h/p: 016-222 6021/016-3301984<br>Email: jraigroup00@gmail.com |

(本文為翻譯版本,一切均以英文版本為準.)

# LELONGAN AWAM

**Pentadbir Tanah / Daerah Tampin**

**PADA HARI RABU, 28-4-2021 JAM 10.00 PAGI**

| | | |
|---|---|---|
| Jenis Harta | : | 2 bgn kilang 1 tkt, 1 bgn pejabat 3 tkt |
| Keluasan Tanah | : | 1.795 hektar |
| Alamat Harta | : | Lot 1005, Jalan Gemas, Kampong Cenaga, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus |
| Harga Rizab | : | RM 10,470,000.00 |









**LOCATION AND ACCESS**

The subject property is located at Jalan Gemas in Kampong Cenaga, Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. It bears the postal address Lot 1005, Jalan Gemas, Kampong Cenaga, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Kampong Cenaga is situated about 6 kilometres north-east of Tampin town.



*Location Plan*

The subject property is approachable from Tampin town via Jalan Besar and thereafter via Jalan Gemas (or Jalan Gemas - Tampin), the frontage road.

A location and site plan of the subject property are attached for reference in Appendices 'A' and 'B' at the end of this report.









**JRAI-PT.TAMPIN-28-04-2021-ASIA**

**(PTT.369/05/2020/03)**

Untuk keterangan lanjut sila hubungi

Jrai Management & Consultancy

**h/p: 016-222 6021,Pn Su:016-330 1984 Email: jraigroup00@yahoo.com.my**